

PM anjur rumah terbuka Aidilfitri di Kedah, Kelantan, Terengganu

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, buat julung kali akan menganjurkan rumah terbuka Aidilfitri di tiga negeri iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Majlis Rumah Terbuka Malaysia MADANI Bersama Perdana Menteri diadakan di negeri terbabit pada tarikh berbeza dan bukan seperti kelazimannya pada 1 Syawal di kediaman rasmi Perdana Menteri di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya.

Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan, program di Kedah diangkat sebagai program berstatus nasional dengan sasaran 25,000 pengunjung, manakala sasaran di negeri lain, masing-masing 15,000 orang.

Program di Kedah akan diadakan di Hotel Raia, Alor Setar, bermula jam 10 pagi hingga 2 petang, 29 April ini dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebagai kementerian peneraju.

Program di Kelantan diadakan pada 12 Mei bertempat di pekarangan Stadium Sultan Muhammad Ke-IV, bermula jam 7 petang hingga 10.30 malam, dengan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim sebagai ke-

menterian peneraju.

Majlis anjuran JPM

Majlis di Terengganu pula diadakan pada keesokannya iaitu pada 13 Mei, bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), bermula jam 7 petang hingga 10.30 malam, dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sebagai kementerian peneraju.

Dalam satu kenyataan dikeluarkan, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan terdapat tiga lagi Rumah Terbuka Aidilfitri akan dihadiri Perdana Menteri, yang dianjurkan masing-masing oleh kerajaan negeri Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Katanya, majlis anjuran JPM melalui Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) selaku penyelaras utama akan dihadiri Perdana Menteri sebagai tetamu jemputan utama bagi menyantuni pelbagai lapisan rakyat yang akan berkunjung ke majlis berkenaan.

“Menteri Besar atau Ketua Menteri juga akan dijemput, selain ahli jemaah menteri persekutuan,” katanya.